

## Manuskrip 'Umdat Al-Muhtajin Ila Suluk Maslak Al-Mufradin: Sumbangan Karya Abad 17 Masihi dalam Pembinaan Masyarakat Melayu Masa Kini

FAIRUZAH BASRI, SALMAH HJ. AHMAD & MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH

### ABSTRAK

*Manuskrip 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin adalah sebuah manuskrip lama bertulisan tangan yang telah dihasilkan pada abad 17 Masihi. Pengarang manuskrip ini adalah Shaykh Abdul Rauf Singkel, seorang ulama Melayu yang telah meneruskan tradisi intelektual di Alam Melayu sejak abad 16 Masihi. Manuskrip lama ini tersimpan di beberapa repositori manuskrip Melayu, sama ada di rantau Alam Melayu, mahupun di Barat, di samping simpanan individu. Sebagai sebuah karya lama yang terpendam dalam bentuk naskhah asal, manuskrip ini terbukti masih bermanfaat untuk generasi kini dan mampu memberi sumbangan dalam pembinaan sahsiah masyarakat Melayu masa kini. Sumbangan ini diteliti berdasar analisis kandungan yang dilakukan terhadap manuskrip ini dengan mengambil kira beberapa versi, khususnya naskhah MSS 1314, ML 375 dan koleksi individu Shamsul Anuar dari Aceh, Sumatera, Indonesia. Sumbangan manuskrip 'Umdat terlihat pada penampilan disiplin ilmu keislaman yang diketengahkan menerusi bimbingan kerohanian. Bimbingan ini turut dilengkapi dengan perhatian agar pelaksanaan dilakukan dengan penuh kefahaman, kesedaran dan keyakinan terhadap keesaan Allah SWT. Gabungan keyakinan dan pelaksanaan amalan akan memberi kesan kejiwaan yang mendalam kepada pelaksana amalan sehingga mampu menzahirkan sifat-sifat mulia, memperoleh hakikat ma'rifatu'Llah, malah mendapat anugerah karamah. Sehubungan ini, manuskrip 'Umdat tetap relevan dengan senario masyarakat Melayu masa kini yang tetap menampakkan minat yang mendalam untuk menghayati ajaran Islam seperti pada abad 17 Masihi.*

*Kata kunci: manuskrip Melayu, manuskrip lama, manuskrip kitab, ilmu keIslaman, kerohanian*

### ABSTRACT

*The 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin manuscript is an old, hand-written manuscript that was produced in the 17<sup>th</sup> Century AD. The author of this manuscript was Shaykh Abdul Rauf Singkel, a Malay theologian who had continued the intellectual tradition in the Malay World, since the 16<sup>th</sup> Century AD. This old manuscript is kept in several Malay manuscript repositories, either in the region of the Malay World, or in the West, in addition to being kept as individual collection. As an old work that is concealed in the form of original copies, this manuscript has proven to be still beneficial for the current generation, and capable of giving contributions in the character development of the present Malay community. This contribution is examined based on content analysis performed on the manuscript by taking into consideration several versions of the manuscript, specifically the MSS 1314, ML 375 and the individual collection of Shamsul Anuar from Aceh, Sumatera, Indonesia. The contribution of the 'Umdat manuscript is seen in the presentation of the Islamic knowledge discipline that is put forth through spiritual guidance. The guidance is also furnished with details so that the execution is carried out full of understanding, enlightenment and faith of the Oneness of Allah SWT. The combination of faith and execution of practice will have a deep spiritual impact on the person who executes the practice until capable of revealing noble qualities, obtaining the truth of ma'rifatu'Llah, and even acquiring the gift of guidance (karamah). Hence in this regard, the 'Umdat manuscript is still relevant to the scenario of the present Malay community who still shows a deep interest in the teachings of Islam just like in the 17<sup>th</sup> Century AD.*

*Key words: Malay manuscript, old manuscript, religious manuscript, Islamic knowledge, spirituality*

### PENGENALAN

Manuskrip adalah sebuah hasil penulisan yang masih dalam bentuk tulisan tangan, sama ada dalam bentuk fragmen atau naskhah lengkap. Kemunculannya dalam satu masyarakat adalah gambaran kebijaksanaan masyarakat meluahkan pemikiran dan

perasaan dalam bentuk tulisan. Mendasari kata manuskrip yang berasal dari bahasa Latin, iaitu *manuscript* yang terdiri dari dua kata, iaitu *manus* yang bererti tangan (*hand*) dan *scriptum* yang bermaksud tulisan (*written*) (William & Rhoda Cahn 1973) memberi petunjuk kepada kewujudan manuskrip dalam masyarakat Barat. Dalam tradisi

Barat, manuskrip mula dihasilkan pada Zaman Pertengahan, sekitar tahun 400 hingga 1100 M yang berpusat di Konstantinople. Penulisan manuskrip pada abad ini adalah sebagai kesan daripada gerakan pembaharuan Gereja Kristian Konstantinople yang berjaya menarik minat masyarakat Rom mempelajari dan mengamalkan ajaran agama Kristian.

Masyarakat lain di Asia turut memiliki khazanah manuskrip, terutamanya masyarakat Arab. Masyarakat ini memiliki khazanah manuskrip yang banyak sebagai kesan dari perkembangan ilmu pengetahuan setelah kelahiran Islam (Ahmad Amin 1983). Manuskrip di kalangan masyarakat Arab dikenal sebagai *makhtutat* (Binbiyan 1993; Najat al-Marini 2006). Kemunculan manuskrip bertitik tolak dari kelahiran Islam pada abad ke 7 M. Lantaran ini, penulisan manuskrip di kalangan masyarakat Arab-Islam dimulai dengan penulisan keagamaan yang berpaksi kepada firman Allah. Penulisan ini dikumpul dalam satu kumpulan yang dikenal sebagai kitab al-Qur'an al-Karim. Penulisan naskhah al-Qur'an al-Karim menjadi agenda negara pada zaman Sayyidina Uthman ibn 'Affan berdasar kepada masalah umum masyarakat Islam pada zaman tersebut. Sayyidina Uthman telah mengambil inisiatif menghasilkan satu mashaf *standard* yang diguna pakai untuk seluruh masyarakat Islam di semua wilayah Islam (Ahmad Amin 1983). Justeru, muncul satu mashaf al-Qur'an yang dikenal sebagai *Mashaf 'Uthman*. Bertitik tolak dari penulisan *Mashaf 'Uthmani* muncul usaha menyalin mashaf ke beberapa naskhah lain untuk keperluan masyarakat Islam di luar Semenanjung Arab. Perkembangan ini berlanjutan hingga muncul gerakan ilmu pengetahuan secara besar-besaran di kalangan masyarakat Islam dengan kelahiran pelbagai dimensi penulisan ke-Islaman berdasar satu disiplin ilmu seperti Ilmu 'Ulum al-Qur'an, Mustalah al-Hadith, Tafsir, Nahu, Fiqh, Usul Fiqh dan Ilmu Kalam.

Pengembangan Islam ke rantau Alam Melayu seawal abad ke 11 Masihi menerusi penubuhan zawiya (Mohd Syukri Yeoh Abdullah 2009) atau abad 13 Masihi (Rihlah ibn Batutah 2004) turut membawa tradisi menulis dan menyalin. Menurut Siti Hawa (2009c) kegiatan penulisan di kalangan masyarakat Melayu dimulai dari keperluan menyalin al-Qur'an dan pelbagai kitab agama Islam untuk mengukuhkan fahaman ke-Islaman. Tradisi ini bertambah kukuh apabila pemerintah Melayu turut melibatkan diri dalam kegiatan ini yang bermula dengan penerimaan agama Islam di kalangan raja dan warga istana. Bermula dari istana, terutamanya

istana Pasai, Melaka dan Aceh, tradisi menulis di rantau Alam Melayu mula berkembang hingga ke masyarakat awam. Perkembangan baru ini telah melahirkan hasil penulisan di kalangan masyarakat Melayu yang dikenal sebagai manuskrip Melayu (Siti Hawa 2009b).

Manuskrip Melayu ialah sebarang hasil penulisan dalam bahasa Melayu yang terhasil sebelum abad ke 20 dalam tulisan Jawi dan bertulisan tangan (Siti Mariani S.M. Omar 2002; Siti Hawa 2009b). Manuskrip Melayu mengandungi pelbagai ragam penulisan seperti puisi, prosa dan pelbagai jenis surat menyurat dengan isi penulisan yang merangkumi seluruh aspek kehidupan. Rangkuman ini menampakkan peranan manuskrip Melayu yang amat besar seperti yang diakui oleh Siti Hawa (2001) dan Ding Choo Ming (2008). Menurut Siti Hawa (2001), manuskrip Melayu mempunyai peranan, kekuatan serta kedudukan sebagai penyimpan maklumat, perakam sejarah, pengajar dan penyebar Islam, pelapor perundangan, ketatanegaraan dan penyalur ilmu-ilmu kemasyarakatan seperti perubatan tradisional, pembinaan rumah, perladangan dan sebagainya. Penegasan ini dikukuhkan oleh Ding Choo Ming (2008) dengan pandangan mengenai kandungan manuskrip Melayu yang merangkumi pelbagai kebijaksanaan dan kemahiran hidup masyarakat Melayu seperti ilmu bintang, penujuman, ubat-ubatan, takwil mimpi, bahasa, kiasan, percintaan, pertukangan, pertanian, perhitungan, undang-undang dan pelayaran. Selain itu, I Nyoman Weda Kusuma (2007) turut menjelaskan manuskrip adalah curahan jiwa orang masa lampau yang mengandungi pemikiran falsafah, kepercayaan dan keseluruhan masalah dan keperluan hidup.

Sehubungan di atas, manuskrip Melayu dapat dikelompok kepada beberapa kategori, antaranya manuskrip sejarah, perundangan, keagamaan, perubatan, pertukangan, bahasa dan budaya. Sebagai contoh, manuskrip Melayu dalam kategori sejarah ialah *Sejarah Melayu* yang turut dikenali dengan judul *Sulalat al-Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Hikayat Pasai*. Manuskrip Melayu dalam kategori perundangan pula antaranya ialah *Undang-Undang Melaka* yang juga dikenali dengan judul *Hukum Kanun Melaka*, dan *Undang-Undang Kedah*. Manuskrip Melayu kategori perubatan pula, antaranya ialah *Kitab Tib*. Antara contoh gambaran manuskrip Melayu dapat dilihat seperti pada Foto 1 dan Foto 2.



Foto 1. Hikayat Hang Tuah  
 Sumber: www.pnm.gov.my/manuskripmelayu  
 muat turun pada 20 Oktober 2009



Foto 2. Hukum Kanun Melaka  
 Sumber: www.pnm.gov.my/manuskripmelayu,  
 muat turun pada 1 November 2012

Dari kepelbagaian kelompok ini, manuskrip keagamaan akan menjadi tumpuan perbincangan, khususnya manuskrip *'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin* atau ringkasnya *'Umdat*.

MANUSKRIP *'UMDAT AL-MUHTAJIN ILA SULUK MASLAK AL-MUFRADIN*

Manuskrip *'Umdat* dihasilkan pada abad 17 Masihi. Usaha menelusuri manuskrip abad 17 m ini yang dijalankan oleh Fairuzah Basri et al. (2011b) secara kepustakaan mendapati manuskrip *'Umdat* terdapat dari empat puluh enam (46) versi. Kebanyakan versi manuskrip ini tersimpan di beberapa repositori manuskrip Melayu, sama ada di Alam Melayu, mahupun di Barat, selain simpanan individu. Setiap repositori mempunyai kod pengenalan masing-masing. Antara repositori Alam Melayu yang memiliki manuskrip *'Umdat* ialah Pusat Manuskrip Melayu (PMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur dan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI), Jakarta. Repositori di Barat pula, antaranya ialah Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda dan Perpustakaan Nasional Paris, Perancis. Individu yang turut menyimpan khazanah manuskrip ini pula, antaranya ialah Shamsul Anwar dari Aceh, Sumatera, Indonesia yang memiliki tiga (3) naskhah dan Ali Hasjmy di Banda Aceh, Aceh, Sumatera, Indonesia yang mempunyai satu naskhah (Salmah Hj. Ahmad 2009).

Keseluruhan versi pada koleksi di atas dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1. Jumlah dan penempatan pelbagai versi manuskrip *'Umdat*

Bil.	Repositori Manuskrip Melayu	Negara	Kod	Jumlah
1.	Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur.	Malaysia	1. MSS1314-B	16.MSS 4296 A
			2. MSS 2076	17.MSS 3815
			3. MSS 2168	18.MSS 3885
			4. MSS 2466-C	19.MSS 3926
			5. MSS 2979-C	20.MSS 3952
			6. MSS3215-A	21.MSS 4003
			7. MSS 3301-B	22.MSS 4047
			8. MSS 3338	23.MSS 4143
			9. MSS 3521	24.MSS 4151
			10.MSS 3541	25.MSS 4154-B
			11.MSS 3560	26.MSS 4172-A
			12.MSS 3581	27.MSS 4210-A
			13.MSS 3641	28.MSS 4230
			14.MSS 3665	29.MSS 4295
15.MSS 3806				
2.	Perpustakaan Universiti Malaya (UM)	Malaysia	1. Mikrofilem 370 dari naskhah Ms. Or (tanpa nombor).	2
			2. Mikrofish 7 dari naskhah Cod. Or. 1930	
3.	Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI)	Indonesia	1. ML 103	5
			2. ML 301	
			3. ML 302	

			4. ML 375	
			5. W41 (ML 814)	
4.	Perpustakaan Universiti Belanda Laiden		1. Cod. Or. 1930	5
			2. Cod. Or. 5464	
			3. Cod. Or. 7250	
			4. Cod. Or. 7320	
			5. Cod. Or. 7341	
5.	Perpustakaan Nasional Paris	Perancis	Mal.-pol. 104	1
6.	Perpustakaan Peribadi Syamsul Anuar	Aceh, Sumatera, Indonesia	-	3
7.	Perpustakaan Peribadi Ali Hasjmy	Banda Aceh, Sumatera, Indonesia	No. 09/NKI/YPAH/92	1
<b>Jumlah</b>				<b>46</b>

Jadual 1 menampakkkan kepelbagaian versi manuskrip 'Umdat. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur memiliki jumlah versi manuskrip 'Umdat yang lebih banyak berbanding repositori lain. Ini menunjukkan kesungguhan PNM melestarikan manuskrip Melayu sebagai satu khazanah ilmu masyarakat Melayu yang perlu dikenali oleh generasi Melayu kini.

Sehubungan dengan pelbagai versi di atas dapat dikatakan manuskrip 'Umdat bukanlah manuskrip tunggal. Menurut Siti Hawa (2009b), manuskrip tunggal adalah manuskrip yang tidak popular, tidak dikenal orang, mengandungi cerita yang tidak penting atau menarik, pengarang yang tidak dikenali, kandungan naskhah merbahaya atau merosakkan imej pihak tertentu dan zaman penulisan manuskrip adalah zaman kemunduran bidang penulisan. Antara contoh versi manuskrip 'Umdat dapat dilihat seperti pada Foto 3-6.



Foto 4. Tanpa kod

Sumber: Koleksi Peribadi dari Aceh, Sumatera Utara




Foto 5. ML

Sumber: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia



Foto 3. ML 375

Sumber: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia




Foto 6. ML 814

Sumber: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia

Oleh itu, penemuan manuskrip *'Umdat* pelbagai versi menunjukkan manuskrip ini adalah manuskrip yang digemari, diterima oleh khalayak pembaca, malah turut menunjukkan kepentingan dan keistimewaan. Faktor ini turut mendorong pengkaji meneliti dan mentahkik manuskrip ini.

Selain dari pelbagai versi, manuskrip *'Umdat* turut memperlihatkan rupa penampilan yang berbeza seperti yang dapat dilihat pada Foto 3, 4, 5 dan 6 di atas. Berdasar empat (4) foto di atas dapat dilihat Foto 3 dan 4 menampakkan satu gaya penampilan yang hampir sama, iaitu kewujudan seni hias pada halaman pertama, khususnya pada bahagian kepala penulisan. Sementara, Foto 5 dan 6 menampilkan gaya bersahaja, tanpa sebarang seni hias pada halaman pertama ataupun halaman lain.

Selain itu, foto di atas turut memperlihatkan penggunaan dua warna dalam penulisan isi naskhah, iaitu warna hitam dan merah, kecuali Foto 5. Warna hitam digunakan untuk menulis keseluruhan isi naskhah, sementara warna merah digunakan untuk penulisan penting. Dalam tradisi penulisan manuskrip kitab, warna merah diguna untuk penulisan ayat al-Qur'an, al-Hadith, kata-kata ulama dan juga kalimah dalam bahasa Arab. Penggunaan dua warna ini pada kebanyakan manuskrip Melayu seolah-olah telah menjadi gaya tetap penulisan manuskrip Melayu (Siti Mariani S.M. Omar 2002).

#### PENGARANG MANUSKRIP *'UMDAT*

Manuskrip *'Umdat* sebagai sebuah manuskrip lama dalam kategori manuskrip kitab mempunyai beberapa petunjuk untuk menetapkan nama pengarang. Situasi ini berbeza dengan penulisan manuskrip Melayu lain yang kebanyakannya sukar mengenal pasti nama pengarang kerana tiada sebarang tanda pengenalan diri. Sehubungan ini, Hashim Awang et al. (1985), Panuti Sudjiman (1995) dan Siti Hawa (1997, 2009a) berpendapat kecenderungan ini telah menjadi tradisi penulisan manuskrip Melayu sebelum abad ke 19 Masihi.

Dalam memahami perbezaan di atas, Siti Hawa (2009a) dan Mohd Taufik ArRidzo (2007) menegaskan sikap tanggungjawab dalam penulisan keagamaan diperlukan kerana penulisan agama dalam manuskrip kitab melibatkan hal keagamaan yang meliputi kepercayaan, keyakinan, dan kerohanian yang keseluruhannya memerlukan kesahihan. Selain itu, para murid wajib mengetahui hasil tulisan gurunya untuk dipelajari dan dihayati.

Sehubungan itu, segala latar belakang penulisan, termasuk nama pengarang perlu disertakan.

Sehubungan di atas, merujuk kepada isi kandungan manuskrip *'Umdat* yang menyentuh hal keagamaan, penulisan manuskrip ini turut memuatkan nama pengarang. Walau bagaimanapun, penampilan nama pengarang manuskrip *'Umdat* dilakukan secara tidak langsung yang memerlukan kajian mendalam sebelum menetapkan nama pengarang. Berdasar kepada sentuhan pengarang pada bab terakhir manuskrip *'Umdat* dapat ditegaskan pengarang manuskrip ini adalah Shaykh Abdul Rauf Singkel. Hal ini dapat difaham dari pengakuan pengarang mengenai sanad atau rantaian guru tarekat yang dianggotai. Sanad ini dimulai dengan diri pertama; pengarang seperti yang dapat dilihat pada petikan di bawah;

*“Adapun sanad salasilah segala penghulu kita yang dibangsakan kepada jalan Shattariyy dan pertemuan kita dengan dia, maka iaitu telah mengambil zikir fakir yang hina, iaitu Shaykh Abdul Rauf daripada Shaykh yang arif bi'Llah lagi yang kamil mukammil, iaitu Shaykh Ahmad al-Qushashi anak Shaykh Muhammad Madani, dan lagi Shaykh Ahmad Qushashi itu mengambil daripada Shaykh Ahmad al-Sinawi ...”*

(Manuskrip *'Umdat*: MSS 1314)

Pada petikan di atas dapat dilihat penggunaan kalimat *fakir yang hina, iaitu Shaykh Abdul Rauf*. Kalimat ini menampakkan gambaran ganti nama diri pertama, iaitu *fakir yang hina* dan nama lengkap yang jelas, iaitu *Shaykh Abdul Rauf*. Lanjutan itu, rangkaian kalimah berikutnya mengukuhkan nama pertama yang dikait dengan nama kedua, iaitu Shaykh Ahmad al-Qushashi. Penggunaan dua nama yang saling berkaitan memberi makna bahawa nama pertama, iaitu Shaykh Abdul Rauf mempunyai kaitan dengan nama kedua, iaitu Shaykh Ahmad al-Qushashi. Hal ini turut memberi petanda bahawa Shaykh Abdul Rauf yang dimaksudkan sebagai pengarang manuskrip *'Umdat* adalah Abdul Rauf yang berkait dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi. Justeru, Hourgronje (1906), Voorhoeve (1981), Mohammad Said (1981) dan lain-lain membuat kesimpulan pengarang manuskrip *'Umdat* adalah Shaykh Abdul Rauf yang berguru, malah bersanad (Azyumardi Azra 1994) dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi.

Rantaian sanad di atas amat berperanan sebagai jawapan kepada sebarang permasalahan dan kekeliruan berkaitan dengan individu bernama Abdul

Rauf dalam sejarah Aceh. Ini kerana terdapat dakwaan mengenai dua tokoh di Aceh yang mempunyai persamaan nama; Abdul Rauf, antaranya dakwaan Dada Meuraxa (1974) dan Hamka (1961). Kedua-dua sarjana ini berpendapat terdapat dua tokoh yang bernama Abdul Rauf, iaitu Abdul Rauf kelahiran Fansur dan kelahiran Singkel. Namun, hasil dari kajian lanjut Hamka (1974), beliau mempunyai pandangan baru yang menegaskan tokoh sejarah Aceh bernama Abdul Rauf hanya satu, iaitu Abdul Rauf yang berasal dari Singkel dan berguru dengan Shaykh Ahmad al-Qushashi serta banyak menghasilkan karya keagamaan yang masih dalam bentuk manuskrip.

## SUMBANGAN

Sebagai sebuah karya lama yang terpendam dalam bentuk naskhah asal, manuskrip *'Umdat* terbukti masih bermanfaat untuk generasi kini dan mampu memberi sumbangan dalam pembinaan sahsiah masyarakat Melayu kini. Sumbangan tersebut dapat ditumpu kepada aspek keilmuan dan amalan.

### Sumbangan Keilmuan

Sumbangan keilmuan manuskrip *'Umdat* dapat dilihat pada seluruh isi kandungan yang dicerakin kepada tujuh (7) bab. Bab pertama menampilkan bahasan mengenai tauhid sebagai asas mengenal Allah dan rasul, dengan tumpuan sifat yang wajib pada Allah SWT dan rasul. Bab ini berperanan sebagai pengantar kepada bab-bab berikutnya. Bab kedua pula menyentuh tentang proses mengingati Allah dalam rangka mendekatkan diri kepadaNya melalui amalan zikir. Amalan ini dilaksanakan berdasar adab dan kaifiat yang disertakan. Bab ketiga pula adalah huraian tentang kalimah tauhid yang tertumpu kepada fadilat kalimah ini. Keseluruhan bab ini memaparkan hadith mengenai fadilat kalimah tauhid. Oleh kerana itu, kalimah tauhid; *la ilaha illa 'Llah* menjadi pilihan utama lafaz zikir dalam manuskrip ini. Bab keempat pula menjelaskan tentang sifat-sifat seorang pengamal zikir yang dapat menyelami dan menghayati kalimah zikir. Sifat tersebut adalah sifat-sifat mulia yang akan tercermin pada seorang pengamal zikir yang melaksana amalan secara ikhlas. Bab kelima menyentuh tentang talkin dan bai'at. Bab keenam menghurai tentang amalan-amalan sunat selain zikir dalam rangka mendekatkan diri kepada Allah, iaitu wirid, sembahyang sunat, puasa sunat, selawat, doa, istighfar dan tilawah al-Qur'an. Bab

ini dipenuhi dengan kaifiat sebagai panduan melaksana amalan. Bab terakhir, iaitu bab ketujuh menampilkan sifat-sifat seorang muslim yang wajar menjadi pakaian setiap orang Islam, khususnya pengamal zikir. Bab ini turut memuatkan sanad ilmu dan amalan berteras tarekat yang dianggotai oleh pengarang dari guru beliau secara berantainya hingga sampai kepada Rasulullah SAW. Selain itu, pada akhir bab ini, pengarang turut memaklumkan nama-nama guru dan rakan diskusi yang tidak termasuk dalam senarai sanad tarekat. Kesemua guru dan rakan tersebut adalah dari kalangan para ulama Arab (MSS 1314; ML 375; Fairuzah Basri 2009; Muammar Ghadafi Hanafiah 2009).

Sehubungan di atas, Syamsul Bahri Andi Galigo (2009) turut menyarankan manuskrip ini kepada golongan pendakwah kerana manuskrip ini mampu menyumbang kepada pembinaan jati diri pendakwah. Sumbangan ini dilihat menerusi aspek pengukuhan akidah, pendidikan akhlak dan nilai-nilai iman serta takwa.

Selain itu, teknik perbincangan manuskrip yang dikukuhkan dengan al-Qur'an, al-Hadith dan pendapat para ulama turut memperlihatkan sumbangan keilmuan. Sebagai contoh, manuskrip *'Umdat* mengukuhkan kepentingan berzikir dengan kalimah tauhid; *la ilaha illa 'Llah* berdasar empat puluh (40) matan hadith, walaupun hadith yang diketengahkan tidak disertai sanad atau perawi. Sehubungan ini, seandainya, pembacaan dilakukan tanpa mengambil kira bab kedua, pembaca akan merasa membaca kitab hadith. Ini kerana keseluruhan bab ketiga ini memuatkan hadith-hadith Rasulullah SAW sebagai pengukuh kalimah tauhid.

Demikian juga ketika perbincangan mengenai amalan-amalan sunat turut disertai dengan sumber amalan. Sebagai contoh, wirid selepas sembahyang lima (5) waktu adalah bersumber dari amalan masyarakat Islam Madinah dan amalan Shaykh Burhanuddin Ibrahim al-Kurani. Sumber ini dapat dilihat pada petikan di bawah;

*Bermula, sayugianya dibacanya tiap-tiap sudah sembahyang lima waktu... Demikianlah dibawa oleh kebanyakan orang pada masa ini dalam negeri Madinah al-rasul salla 'Llah 'alayh wa sallam. Tetapi adalah dipilih oleh syeikh kita, Burhan al-Din Mulla Ibrahim Kurani, sayugia dibaca tiap-tiap kemudian daripada sembahyang lima waktu.*

(Manuskrip *'Umdat*: MSS 1314)

Sumbangan manuskrip *'Umdat* bukan hanya pada ilmu keagamaan, tetapi turut menyentuh

sumbangan kepada bidang sejarah, khususnya sejarah tokoh. Ini dapat dilihat dari penampilan unsur autobiografi pada bahagian akhir manuskrip ini. Autobiografi adalah kata bahasa Inggeris yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan “biografi”. Biografi bermaksud riwayat hidup seseorang. Autobiografi pula bermaksud riwayat hidup yang ditulis oleh diri sendiri (*Kamus Dewan* 1994; *Oxford Fajar* 2000). Antara unsur autobiografi yang diketengahkan melibatkan nama tokoh, nama tempat, tempoh masa dan pengalaman pembelajaran. Berdasar kepada disiplin ilmu sejarah, semua sentuhan ini tergolong dari maklumat sejarah (Ishak Saat 2007).

Nama tokoh begitu banyak dimuatkan dalam manuskrip ini. Keseluruhan nama yang di tampil dapat dikelompokkan kepada dua, iaitu kelompok guru dan rakan diskusi pengarang manuskrip ‘*Umdat*. Kelompok guru turut dikategorikan kepada dua; (1) guru tarekat atau disebut juga oleh pengarang sebagai guru ilmu batin, (2) guru ilmu syariat. Demikian juga kelompok rakan diskusi pengarang manuskrip turut dapat dikategorikan kepada dua; (1) rakan diskusi dari kalangan Fuqaha’ atau ahli Fiqh, (2) rakan dari kalangan ahli Sufi (Fairuzah Basri et al. 2011a). Penampilan pelbagai nama tokoh ini mampu memberi gambaran kepada keluasan jaringan ulama pengarang dengan tokoh ulama Arab seperti yang turut diakui oleh Azyumardi Azra (1994) dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah (2009).

Sehubungan di atas, antara sedutan manuskrip ‘*Umdat* yang menyentuh nama guru dapat dilihat pada petikan di bawah;

*Dan adapun jumlah segala masyaikh yang telah mengambil faedah fakir ini dengan membaca kitab mereka itu selama ada ia dalam negeri Arab yang mulia, maka yang pertama-tama daripada mereka itu bernama (1) Shaykh ‘Abd al-Qadir Murir dalam negeri Mukha (āĪŪÇ). Kedua ... (2), Shaykh Imam ‘Ali al-Tabari dalam negeri Mekah yang dimuliakan Allah Ta’ala. Ketiga (3), Shaykh ‘Abd al-Qadir Barkhali, mufti dalam negeri Jeddah.*

(Manuskrip ‘*Umdat*: MSS 1314)

Petikan di atas hanya menampakkan sebahagian nama yang diketengahkan oleh manuskrip ‘*Umdat*. Senarai nama penuh dapat dilihat pada jadual di bawah;

Jadual 2: Guru Ilmu Syariat

Bil.	Nama Ulama	Tempat
1.	Shaykh ‘Abd al-Qadir Murir	Mokha (Doha, Qatar )
2.	Shaykh Imam ‘Ali al-Tabari	Mekah
3.	Shaykh ‘Abd al-Qadir al-Barkhali	Jedah
4.	Shaykh ‘Abd al-Wahid al-Hashiriy	Bayt al-Faqih, Yaman
5.	Shaykh Ibrahim ibn ‘Abdu’Llah Jam’an	Bayt al-Faqih, Ibn ‘Ujayl
6.	Shaykh Ibrahim ibn Muhammad Jam’an	Bayt al-Faqih
7.	Shaykh Ahmad Junnah	Bayt al-Faqih
8.	Qadhi Ishaq ibn Muhammad Jam’an	Zabid, Yaman
9.	Shaykh Muhammad Thabati	Zabid, Yaman
10.	Shaykh ‘Abd al-Rahim Khas	Zabid, Yaman
11.	Shaykh Sadiq Mizjaji	Zabid, Yaman
12.	Faqih ‘Ali ibn Muhammad Dayba’	Zabid, Yaman
13.	‘Abdu’Llah ‘Adni	Zabid, Yaman
14.	Qadi Muhammad	Luhayya, Yaman
15.	Qadi ‘Umar Mahy al-Din	Mawzi’, Yaman
16.	Shaykh Ahmad al-Qushashi	Madinah
17.	Shaykh Burhan al-Din Mulla Ibrahim, anak Hasan	

Sumber: Fairuzah Basri 2011a

Jadual di atas menampakkan tujuh belas (17) nama ulama yang keseluruhannya diakui oleh pengarang sebagai guru-guru beliau. Guru-guru ini boleh diibarat sebagai guru sepenuh masa berdasar pengakuan pengarang menerusi tampilan kalimah yang telah mengambil faedah fakir ini dengan membaca kitab mereka itu selama ada ia dalam negeri Arab. Oleh itu, berdasar kepada kalimah ini, khususnya pada kalimah membaca kitab mereka dapat dilihat senario pembelajaran pengarang menerusi usaha membaca kitab dan menghadiri kelas pengajian guru-guru tersebut. Justeru, pengarang mampu menyatakan nama-nama tempat setiap guru yang ditemui.

Hal di atas dikukuhkan lagi dengan pengakuan pengarang yang menggambarkan kewujudan satu kelompok nama ulama yang ditemui tetapi tidak menjadi guru sepenuh masa pengarang. Gambaran ini dapat difahami pada kalimat tiada beroleh mengaji ia pada mereka itu seperti yang dapat dilihat pada petikan di bawah;

*Dan adapun segala ulama yang besar-besar, yang bertemu fakir ini dengan mereka itu, yang tiada beroleh mengaji ia pada mereka itu yang lain daripada segala mereka yang tersebut itu, maka yaitu beberapa ulama. Pertama-tama daripada mereka itu, mufti dalam negeri Mukha, yaitu bernama (1) ‘Umar Fursan. Kedua (2), mufti dalam negeri Zabid bernama Shaykh ‘Abd al-Fattah al-Has . Ketiga (3), ...*

(Manuskrip ‘*Umdat*: MSS 1314)

Berdasar kepada petikan di atas dapat difahami kelompok ulama yang dimaksudkan di atas tidak menjadi guru pengarang secara langsung. Oleh itu, kelompok ulama ini boleh dikategorikan sebagai rakan diskusi pengarang manuskrip 'Umdat. Rakan diskusi pengarang dapat dibahagi kepada dua kategori, iaitu rakan dari kalangan Ahli Fiqh dan Ahli Sufi (Fairuzah Basri et al. 2011a). Senarai penuh rakan diskusi pengarang manuskrip 'Umdat dari kategori Ahli Fiqh dapat dilihat pada Jadual 3.

Jadual 3. Rakan diskusi dari kalangan Ahli Fiqh

Bil.	Nama Rakan Diskusi	Jawatan	Tempat
1.	`Umar Fursan	Mufti Mokha	Mokha, Yaman
2.	Shaykh Abd al-Fattah al-Has	Mufti Zabid	Zabid, Yaman
3.	Faqih Tayyib Jam'an	Faqih	Bayt al-Faqih, Yaman
4.	Faqih Muhammad Jam'an	Faqih	Bayt al-Faqih, Yaman
5.	Faqih `Ali `Aqibah	Faqih	Ta'iz, Yaman
6.	Faqih Tahir	Faqih	Hadidah, Yaman
7.	Qadi Muhammad ibn Mutayr	Qadi	Yaman
8.	Faqih `Ali ibn Mutayr	Faqih	Yaman
9.	Faqih `Ahmad ibn Mutayr	Faqih	Yaman
10.	Shaykh `Abd al-'Aziz Zamzani	Ulama Mekah	Mekah
11.	Qadi Tajuddin	Ulama Mekah	Mekah
12.	Shaykh Muhammad Yabali	Ulama Mekah	Mekah
13.	Shaykh Zayn al-Din al-Tabari	Ulama Mekah	Mekah
14.	Shaykh `Ali Jamal	Ulama Mekah	Mekah
15.	Shaykh `Abdullah Ba al-Qushairi	Ulama Mekah	Mekah
16.	Shaykh Zanjabil	Ulama Mekah	Mekah
17.	Shaykh Isa Maghzi	Ulama Mekah	Mekah
18.	Shaykh `Abd al-Wahid al-Dawqi	Ulama Mekah	Mekah
19.	Shaykh Yasin	Ulama Madinah	Madinah
20.	Shaykh Ibrahim Khayari	Ulama Madinah	Madinah
21.	Shaykh `Ali Basir	Ulama Madinah	Madinah
22.	Shaykh Barri	Ulama Madinah	Madinah
23.	Imam Barri	Ulama Madinah	Madinah
24.	Mulla Nafi'	Ulama Madinah	Madinah
25.	Shaykh `Abd al-Rahman Hijaz	Ulama Madinah	Madinah
26.	Sayyid Muhammad Barzanji Kurdi	Ulama Madinah	Madinah
27.	Mulla Muhammad Sharif Kurdi	Ulama Madinah	Madinah

Sumber: Fairuzah Basri 2011a

Jadual 3 memperlihatkan seramai dua puluh tujuh (27) ulama yang menjadi rakan diskusi pengarang manuskrip 'Umdat dari kalangan ulama Fiqh. Selain itu, jadual di atas turut menampakkan maklumat mengenai jawatan ulama seperti mufti dan juga tempat seseorang ulama bermastautin untuk memenuhi tugas keguruannya. Nama tempat tersebut ialah Yaman, Mekah dan Madinah. Yaman pula melibatkan Bandar Mokha, Zabid, Bayt al-Faqih, Ta'iz dan Hadidah.

Oleh itu, berdasarkan keseluruhan nama para ulama yang menjadi guru, mahupun sekadar rakan diskusi dapat difaham kesungguhan pengarang menimba ilmu diperantauan. Justeru kesungguhan ini, pengarang sanggup meninggalkan tanah air dalam tempoh yang amat panjang, iaitu menjangkau hampir dua puluh (20) tahun seperti yang ditampil secara terang pada petikan di bawah;

*Maka dalam antara sembilan belas tahunlah lamanya ia dalam negeri Arab, maka beroleh fakir ini mengambil faedah dalam antara segala manusyia itu ...*

(Manuskrip 'Umdat: MSS 1314)

Sehubungan dengan segala rakaman autobiografi pengarang manuskrip 'Umdat di atas dapat digambar suasana ilmu yang berkembang di Semenanjung Arab pada abad ke 17 M. Justeru, kerana pengalaman ini pengarang terdorong untuk melanjutkan suasana tersebut di Alam Melayu sebaik kembali ke tanah air.

### Sumbangan Amalan

Sumbangan amalan dalam manuskrip 'Umdat mewarnai gambaran keseluruhan penulisan. Ini kerana setiap amalan yang diketengahkan turut disertai dengan kaifiat dan adab secara terperinci serta sumber amalan. Keseluruhan amalan yang diketengah melibatkan ibadah sunat yang amat digalakkan dalam Islam. Amalan tersebut ialah zikir, wirid, tilawah al-Qur'an, sembahyang sunat, puasa sunat, doa, selawat dan istighfar. Amalan selain tiga yang terakhir; doa, selawat dan istighfar dihurai secara terperinci beserta kaifiat yang jelas.

Amalan zikir diberi keutamaan oleh manuskrip 'Umdat berdasar kepada tumpuan khusus pada bab dua dan lanjutannya pada bab tiga, empat dan lima. Pada bab ketiga dapat dilihat pembentangan hadith mengenai keistimewaan kalimah tauhid; *la ilaha illa 'Llah*. Justeru, kalimah ini menjadi pilihan lafaz dalam amalan zikir. Bab keempat pula menyentuh sifat pengamal zikir yang diwarnai oleh sifat kemuliaan seperti zuhud, tawakal dan syukur. Sementara bab kelima pula memapar bimbingan guru dalam amalan zikir yang dikenal sebagai talkin dan dikuti dengan bai'at, iaitu perjanjian mengamalkan zikir berdasar kaifiat dan adab yang telah ditunjukkan oleh guru. Ini bermakna, bab ketiga, keempat dan kelima adalah pemantap kepada bab kedua yang tertumpu kepada amalan zikir. Sentuhan menyeluruh bab-bab ini memperlihatkan keutamaan amalan zikir berbanding amalan lain yang diketengah oleh manuskrip 'Umdat.

Sehubungan dengan kepentingan amalan zikir, persoalan zikir bukan sahaja disentuh oleh manuskrip 'Umdat, tetapi turut disentuh oleh karya tasawuf yang lain, khususnya di kalangan pengarang Arab seperti *Risalah al-Qusyariyah* (2003/1423H) hasil karangan Imam al-Qushayri (2003).



Amalan wirid mengambil barisan kedua setelah amalan zikir. Amalan ini disentuh pada bab keenam manuskrip 'Umdat. Terdapat beberapa jenis wirid yang diketengahkan. Sebahagiannya telah menjadi amalan umum masyarakat Melayu sejak abad 17 Masihi, sementara sebahagian lain hanya menjadi amalan ahli suluk yang menerima bai'at guru tarekat secara bersanad. Wirid yang menjadi kelaziman umum ialah wirid selepas solat lima (5) waktu. Amalan wirid ini ditampilkan berdasar kelaziman masyarakat Islam di Madinah, khususnya semasa pengarang manuskrip bermukim di bandar ini dan juga amalan Shaykh Ibrahim al-Kurani, pakar rujuk pengarang manuskrip 'Umdat setelah kewafatan guru utamanya, Shaykh Ahmad al-Qushashi. Kedua-dua amalan wirid ini dirangkum pada Jadual 4.

Jadual 4. Kaiffiat wirid 5 waktu berdasar dua kelaziman pada Abad 17 M

Tahap	Wirid Madinah	Wirid al-Kurani
1	استغفر الله استغفر الله استغفر الله العظيم الذي لا اله الا هو { الحي القيوم والتوب اليه	{ استغفر الله العظيم الذي لا اله الا هو الحي القيوم وتوب اليه } tiga kali (3x)
2	اللهم انت السلام ومنك السلام وبيدك يعود السلام حوسنا . ربنا وبنا بالسلام وانفسنا دار السلام تساركت ربنا وتعاليمنا يا ذي الجلال والاکرام . {	اللهم انت السلام ومنك السلام وبيدك يعود السلام حوسنا ربنا وبنا بالسلام وانفسنا دار السلام تساركت ربنا وتعاليمنا يا ذي الجلال والاکرام . {
3	اعوذ بالله من الشيطان الرجيم . بسم الله الرحمن الرحيم . { الحمد لله رب العالمين . الرحمن الرحيم . ملك يوم الدين . اياك نعبد وياك نستعين . امن الصراط المستقيم . صراط الذين انعمت عليهم . غير المغضوب عليهم . ولا الضالين . }	اعوذ بالله من الشيطان الرجيم . بسم الله الرحمن الرحيم . الحمد لله رب العالمين . الرحمن الرحيم . ملك يوم الدين . اياك نعبد وياك نستعين . امن الصراط المستقيم . صراط الذين انعمت عليهم . غير المغضوب عليهم . ولا الضالين . }
4	-	{ واليهك ولا حول ولا قوة الا هو الرحمن الرحيم }
5	-	اللهم اني اقدم اليك بين يدي كل نفس والحظة ولحمة وطرفة بطرف بها اهل السموات واهل الارض من كل شيء هو كان في علمه او قد كان . اللهم اني اقدم اليك بين يدي ذلك كله
6	والهك ولا حول ولا قوة الا هو الحي القيوم . لا تأخذ سنة ولا نوم . له ما في السموات وما في الارض . من ذا الذي يشفع عنده الا بانه . يعلم بانه . يعلم ما بين ايديهم وما خلفهم . ولا يحيطون بشيء من علمه الا بما شاء . وسع كرسيه السموات والارض . ولا يوده حفظهما وهو العلي العظيم .	الله الا هو الحي القيوم . لا تأخذ سنة ولا نوم . له ما في السموات وما في الارض . من ذا الذي يشفع عنده الا بانه . يعلم بانه . يعلم ما بين ايديهم وما خلفهم . ولا يحيطون بشيء من علمه الا بما شاء وسع كرسيه السموات والارض . ولا يوده حفظهما وهو العلي العظيم .
7	شهد الله انه لا اله الا هو والملائكة واولوا القلوب قلنا بالصدق . لا اله الا {الا هو العزيز الحكيم . ان الذين عند الله الاسلام .	شهد الله انه لا اله الا هو والملائكة واولوا القلوب قلنا بالصدق . لا اله الا {الا هو العزيز الحكيم . ان الذين عند الله الاسلام
8	-	وانا الشاهد بما شهد الله به واستودع الله هذه الشهادة وهي في عند الله وديمة .
9	قل اللهم مالك الملك تؤتي الملك من تشاء وتزعج الملك ممن تشاء وتعز من تشاء وتؤل من تشاء بيدك الخير انا على كل شيء قدير . تولج الليل في النهار وتولج النهار في الليل وتخرج الحي من الميت وتخرج الميت من الحي وترزق من تشاء بغير حساب	قل اللهم مالك الملك تؤتي الملك من تشاء وتزعج الملك ممن تشاء وتعز من تشاء وتؤل من تشاء بيدك الخير انا على كل شيء قدير . تولج الليل في النهار وتولج النهار في الليل وتخرج الحي من الميت { وتخرج الميت من الحي وترزق من تشاء بغير حساب
10	-	اللهم يا رحمن الدنيا والاخرة ورحيمهما رحمني انت رحمتي { فارحمني برحمة من عندك تغنيني بها عن رحمة من سواك
11	Subhana 'Llah, (33x), dibacanya pada akhirnya { سبحان الله العظيم وبحمده }	Subhana 'Llah (33x), dan dibacanya pada akhirnya { سبحان الله العظيم وبحمده }
12	al-Hamdu 'Llah (33x), dibacanya pada akhirnya { الحمد لله رب العالمين علي كل حال }	al-Hamdu 'Llah (33x), dan dibacanya pada akhirnya { الحمد لله رب العالمين علي كل حال }
13	Allahu akbar (33x) atau (34x).	Allahu akbar (33x) atau (34x).
14	لا اله الا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد يحيي ويميت بيده الخير وهو علي كل شيء قدير	لا اله الا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد يحيي ويميت بيده الخير وهو علي كل شيء قدير
15	والحول ولا قوة الا بالله العظيم	والحول ولا قوة الا بالله العظيم
16	اللهم لا مانع لما اعطيت ولا معطي لما منعت ولا راد لما قضيت فاني اعطيت . ولا ينعكس الجسد	اللهم لا مانع لما اعطيت ولا معطي لما منعت ولا راد لما قضيت { ولا ينعكس الجسد }
17	-	{ ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم }
18	-	ان الله وملائكته يصلون على النبي يا ايها الذين امنوا صلوا عليه { وسلم تسليما }
19	اللهم صلى على سيدنا محمد عبدك ورسولك النبي الامي وعلى اله وصحبه وسلم . كما تكركم الذكورون . وغفل عن تكركم الغافلون . وسلم ورضي الله عن ساداتنا اصحاب سيدنا رسول الله اجمعين . وحسبنا الله ونعم الوكيل . ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم . استغفر الله . يا لطيف يا كافي يا حفيظ يا شافي يا لطيف يا حفيظ يا { شافي يا لطيف يا وافي يا كريم يا الله	اللهم صلى على سيدنا محمد عبدك ورسولك النبي الامي وعلى اله { وصحبه وسلم . كما تكركم الذكورون . وغفل عن تكركم الغافلون . وسلم ورضي الله عن ساداتنا اصحاب سيدنا رسول الله اجمعين . وحسبنا الله ونعم الوكيل . ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم . استغفر الله . يا لطيف يا كافي يا حفيظ يا شافي يا لطيف يا حفيظ يا { شافي يا لطيف يا وافي يا كريم يا الله
20	La ilaha illa 'Llah { (10x), dan diakhiri dengan La ilaha illa 'Llah, Muhammad Rasulu 'Llah.	La ilaha illa 'Llah { (10x), diakhiri dengan Muhammad Rasulu 'Llah
21	Doa	Doa

Jadual 4 menampilkan kekosongan lafaz wirid yang menjadi amalan Madinah iaitu pada nombor 4, 5, 8, 10, 17 dan 18 berbanding wirid menerusi kaiffiat al-Kurani. Kekosongan ini menunjukkan kaiffiat wirid masyarakat Madinah lebih ringkas dari kaiffiat Shaykh Ibrahim al-Kurani. Sehubungan ini, pengarang manuskrip 'Umdat tidak menyentuh

tentang kelebihan dan kekurangan dua kaiffiat di atas. Beliau juga tidak menampakkan kecenderungan memihak pada salah satu dari dua kaiffiat tersebut. Hal ini menunjukkan sikap pengarang yang bersedia menerima sesuatu yang berbeza dan turut memberi kebebasan kepada pembaca untuk memilih salah satu dari dua kaiffiat yang disertakan.

Selain amalan zikir dan wirid, manuskrip 'Umdat turut memaparkan amalan ibadah sembahyang sunat yang disebut sebagai *solat al-nafilah*. Terdapat beberapa sembahyang sunat yang disertakan iaitu sembahyang sunat Tasbih, sunat Duha, sunat Awwabin serta Hifz al-iman serta Istikharah dan sunat Tahajjud. Kesemua ibadah solat sunat ini disertai kaiffiat pelaksanaan secara terperinci. Malah, sebahagiannya diiringi dengan sanad dan sumber amalan. Sebagai contoh, solat sunat Tahajjud bersanad daripada amalan Shaykh Muhammad al-Ghawth berdasar kitab beliau berjudul *Jawahir al-Khams* (Fairuzah Basri et al. 2012). Pengakuan ini dapat dilihat pada petikan di bawah;

*Dan sayugianya pula bahawa jangan ia meninggalkan sembahyang Tahajjud pada tiap-tiap malam. Kata Syekh Muhammad al-Ghawth dalam kitab Jawahir al-khams, bermula sekurang-kurang Tahajjud itu empat rakaat, yakni sayugianya bahawa jangan disembahyangkannya kurang daripada empat rakaat dan sebanyak-banyaknya barang yang dimurahkannya Allah kepadanya.*

(Manuskrip 'Umdat: MSS 1314)

Justeru, penampilan ibadah di atas memperlihatkan kesungguhan pengarang manuskrip 'Umdat membina keyakinan dan nilai tauhid kepada pembaca dan khalayak. Ini kerana, tauhid tidak akan terlihat tanpa pelaksanaan amalan, khususnya dalam bentuk amalan sembahyang, apatah lagi sembahyang sunat sebagai tambahan dari sembahyang wajib.

Selain ibadah sembahyang sunat, manuskrip 'Umdat turut menampilkan amalan puasa sunat. Terdapat tiga (3) jenis ibadah puasa yang disertakan iaitu puasa sunat Abyad, puasa sunat enam (6) Syawal dan puasa sunat sembilan (9) hari pada awal bulan Zulhijjah. Puasa sunat Abyad ialah puasa tiga hari pada setiap pertengahan bulan Qamariyyah (bulan Islam), iaitu pada 13, 14, dan 15 haribulan. Hari-hari ini dikenal sebagai *Ayyam al-Bayd*. Setiap amalan puasa sunat ini disertai fadilat atau kelebihan puasa yang bersumber dari hadith Rasulullah SAW. Sebagai contoh, fadilat puasa Abyad ialah membuang perasaan waswas, fadilat puasa enam (6) Syawal dan puasa Zulhijjah pula ialah mendapat pahala

seperti puasa setahun, ditambah dengan mendapat gandaan pahala beramal pada bulan ini sebanyak 700 kali ganda.

Manuskrip *'Umdat* turut menegaskan amalan puasa sunat bukan sekadar puasa di siang hari, tetapi turut dianjurkan menerusi ibadah pada waktu malam. Tambahan ibadah ini ditekankan oleh manuskrip *'Umdat*, terutamanya pada sepuluh (10) hari terawal bulan Zulhijjah. Ibadah pada waktu malam yang dianjurkan ialah membaca al-Qur'an, dengan pelaksanaan setiap tiga (3) malam sekali (1x) khatam.

Sehubungan di atas, amalan ibadah menerusi tilawah al-Qur'an ditampilkan pada dua (2) keadaan, iaitu tilawah sebagai satu ibadah harian dan tilawah sebagai hadiah kepada seorang yang telah meninggal dunia. Tilawah al-Qur'an sebagai satu ibadah melibatkan pembacaan seluruh surah al-Qur'an, mahupun pada surah tertentu, khususnya pada surah empat (4) surah penting, iaitu surah Yasin, al-Waqi'ah, al-Mulk, al-Sajadah dan al-Ikhlas. Anjuran membaca surah ini adalah kerana fadilat yang terkandung pada surah ini yang kesemuanya dirujuk kepada hadith Rasulullah SAW. Sebagai contoh, fadilat surah Yasin dapat dilihat pada maksud hadith seperti pada petikan di bawah;

*Ertinya: Baca oleh kamu surat Yasin! Maka bahawasanya adalah dalamnya sepuluh berkat. Pertama, tiada jua membaca dia orang yang lapar, melainkan kenyang ia. Kedua, tiada jua membaca dia orang yang telanjang, melainkan berkain ia. Ketiga, tiada jua membaca dia orang yang bujang, melainkan berjodo(h) ia. Keempat, tiada jua membaca dia orang yang takut, melainkan sentosa ia. Kelima, tiada jua membaca dia orang yang bepercintaan, melainkan sukacita ia. Keenam tiada jua membaca akan orang yang berlayar, melainkan ditolong ia atas pelayarannya. Ketujuh, tiada jua membaca dia orang yang sesat atau lenyap baginya sesuatu, melainkan didaptnya akan dia. Kedelapan, tiada jua dibaca akan dia atas mayat, melainkah diringankan atasnya syiksa. Kesembilan, tiada jua membaca dia orang yang dahaga melainkan puas dahaganya. Kesepuluh, tiada jua membaca dia orang yang sakit melainkan sembuh ia.*

(Manuskrip *'Umdat*: MSS 1314)

Manuskrip *'Umdat* turut menganjurkan amalan membaca empat (4) surah di atas pada waktu tertentu, iaitu selepas solat subuh dan maghrib. Selepas solat subuh disarankan membaca surah Yasin dan Tabaraka (al-Mulk), sementara selepas solat

maghrib di anjur membaca surah Yasin, al-Waqi'ah, al-Mulk, al-Sajadah. Walau bagaimanapun, pembacaan terhadap empat (4) surah ini boleh dikurangkan kepada dua (2) sahaja, iaitu hanya pada surah al-Sajadah dan al-Mulk seandainya keadaan tidak mengizinkan.

Manuskrip *'Umdat* bukan sekadar menampilkan pelaksanaan amalan, sebaliknya turut memuatkan kesan dan hasil keseluruhan amalan. Kesan yang diketengahkan melibatkan kesan pada akhlak dan tingkah laku seperti yang dapat dilihat pada bab keempat dan bab ketujuh. Lebih dari sepuluh (10) sifat kemuliaan yang dijangka menjadi akhlak dan tingkah laku pelaksana amalan, antaranya zuhud, tawakal, fakir dan syukur. Walau bagaimanapun, pengarang menegaskan hasil tersebut akan dicapai seandainya pelaksanaan disertai dengan ketelusan dan keikhlasan. Pada akhir perbincangan isu akhlak ini, manuskrip *'Umdat* menyertakan peringatan berikut;

*Maka sayugianya kiranya atas segala orang yang menjalani jalan ini bersifat dengan segala sifat yang tersebut dalam faedah yang kemudian ini, supaya sah ia dibangsyakan pada zahirnya dan batinnya kepada mereka itu, yakni kepada segala ahlu'Llah, yang dibangsyakan mereka itu kepada sufyyah. Wa bi-'Llahi tawfiq.*

(Manuskrip *'Umdat*: MSS 1314)

Petikan di atas menampakkan hubungan antara akhlak dengan sifat penuh kemuliaan dengan gelaran sebagai ahli sufi. Ahli sufi ialah seorang muslim yang berakhlak dengan akhlak yang penuh kemuliaan. Petikan ini juga menunjukkan anjuran pengarang kepada pembaca dan ahli suluk khususnya agar berakhlak dengan sifat yang mulia.

### Pemantapan Iman

Rentetan dari dua sumbangan di atas, manuskrip *'Umdat* turut menyumbang ke arah pemantapan iman. Hal ini telah dimulai sejak awal penulisan manuskrip *'Umdat* menerusi pengenalan konsep tauhid, iaitu keyakinan sepenuhnya kepada keEsaan Allah (Muhammad Abduh 1972). Menerusi konsep ini, manuskrip *'Umdat* mengetengahkan *ma'rifatul'Llah* dan *ma'rifat al-Rasul* sebagai langkah awal menghayati ajaran Islam. Kedua-dua makrifat atau pengenalan ini adalah asas tauhid dalam akidah Islam. Penjelasan dua makrifat ini dilakukan menerusi sentuhan tauhid al-sifat, iaitu KeEsaan Allah pada sifat dan juga kemaksuman rasul.

Sehubungan ini, manuskrip 'Umdat memaparkan pengajaran sifat yang wajib pada Allah dan rasul. Pengajaran sifat wajib pada Allah di hurai serentak dengan sifat mustahil dan harus. Dalam pengajaran ini, manuskrip 'Umdat menampilkan Sifat Dua Puluh (20); sifat yang wajib dan mustahil pada Allah serta satu (1) sifat harus. Sementara sifat wajib pada rasul pula melibatkan tiga (3) sifat sahaja, iaitu *siddiq*, amanah dan *tabligh* (Fairuzah Basri 2009).

Unsur pemantapan iman dalam manuskrip 'Umdat bukan sahaja ketara pada bab awal penulisan, tetapi turut diselitkan pada mana-mana bahagian yang difikirkan penting oleh pengarang seperti yang dapat difahami pada petikan di bawah;

*tetapi sayugianya orang yang mengerjakan zikir itu jangan dimaksudkannya dengan zikirnya itu lain daripada wajhu'Llah. Dan apabila diniatkan akan yang lain daripada wajhu'Llah maka yaitu mahjub. Wa bi-'Llahi tawfiq.*

(Manuskrip 'Umdat: MSS 1314)

Pada petikan di atas, kalimat *jangan dimaksudkannya dengan zikirnya itu lain daripada wajhu'Llah* menunjukkan pengamal zikir harus memberi tumpuan kepada amalan zikir sepenuhnya dan hanya mengingati Allah semata-mata, dan bukan kepada yang lain. Demikian juga niat melaksanakan zikir hanyalah kerana Allah dan untuk Allah, bukan yang lain. Pelaksanaan seperti ini menampakkan tahap keimanan yang paling tinggi. Merujuk kepada kalimah *wajhu'Llah*, perlu diingatkan, kata *wajhu'Llah* yang bermaksud "muka" atau "wajah" Allah (al-Marbawi 1930) perlu difahami secara maknawi; bukan secara lafzi. Ini kerana, fahaman secara lafzi akan melahirkan pelbagai salah tanggapan dan salah faham yang boleh mencetus perbalahan di kalangan umat Islam.

Seterusnya, manuskrip 'Umdat menegaskan tumpuan kepada selain Allah akan menghalang pengamal zikir mendapat kesan positif dari amalan tersebut seperti yang dari kalimah *maka yaitu mahjub*. *Mahjub* adalah kata bahasa Arab yang bermaksud terhalang (al-Marbawi 1930). Ini bermakna, tumpuan dan niat selain kerana Allah akan menghalang pengamal zikir mendapat faedah dari amalan tersebut. Sehubungan ini, segala amalan harus dilakukan kerana Allah.

Keyakinan sepenuhnya terhadap tauhid akan memberi laluan kepada pengamal zikir dan amalan lain mendapat pelbagai anugerah dari Allah, termasuk sesuatu yang luar biasa yang dinyatakan oleh manuskrip 'Umdat sebagai *karamah* dan *khawariq*. Hal ini dapat dilihat pada petikan di bawah;

*Bahawa inilah setengah daripada segala faedah zikir la ilaha illa'Llah yang tersebut pada syarah Umm al-barahin. Maka adalah faedah yang delapan (8); yang pertama (1) itu sekaliannya raji' kepada segala perangai yang baik dan adalah padanya yang tiga (3) yang kemudian itu raji' kepada karamat dan khawariq.*

(Manuskrip 'Umdat: MSS 1314)

Namun, pengarang mengingatkan hal ini bukan tujuan amalan zikir, sebaliknya adalah anugerah yang akan diberi oleh Allah kepada hamba yang dikehendakinya.

## PENUTUP

Manuskrip 'Umdat atau lengkapnya 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin adalah sebuah karya lama yang masih kekal dalam bentuk asal bertulisan tangan. Karya ini telah dihasilkan pada abad ke 17 Masihi oleh Shaykh Abdul Rauf Singkel, seorang mufti dan ulama Melayu yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan jaringan ulama yang luas di negara Arab. Beliau telah menghasilkan manuskrip ini dengan penuh kesedaran untuk membimbing masyarakat Melayu ke arah penghayatan agama Islam yang suci. Justeru segala yang dihasilkan adalah satu keperluan masyarakat untuk memenuhi tuntutan agama Islam dalam rangka mengingati dan mendekati diri kepada Allah SWT. Justeru, manuskrip ini tetap berguna dan mampu memberi sumbangan kepada pembinaan masyarakat Melayu masa kini. Ini kerana masyarakat Melayu kini tetap memerlukan bimbingan keagamaan untuk mengisi minat masyarakat menghayati dan mengamalkan ajaran Islam, walaupun berada di era sains dan teknologi dan jauh dari abad ke 17 M.

## RUJUKAN

- Abdul Rauf Singkel. t.th. 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin. MSS 1314. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdul Rauf Singkel. t.th. 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin. ML 375. Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.
- Ahmad Amin. 1983. *Dhuha al-Islam*. Terj. Osman Khalid Jil.III. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Azyumardi Azra. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad ke 17 dan 18*. Bandung: al-Mizan.
- Binbiyan, Ahmad Shawqi. 1993. *Dirasat fi 'Ilm al-Makhtutat wa al-Bahs al-Bibliografi*. Ribat: Kuliah Adab.

- Dada Meuraxa. 1974. *Sejarah Kebudayaan Sumatera*. Medan: Firma Hasmar.
- Ding Choo Ming. 2008. *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fairuzah Basri. 2009. Teologi dalam 'Umdat al-Muhtajin. Dlm. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Salmah Ahmad & Mohammad Fadzeli Jaafar (pnyt.). *Panduan Individu Menuju Allah: Mesej 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin*: 221-239. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fairuzah Basri, Salmah Ahmad & Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2011a. Manuskrip 'Umdat al-Muhtajin: Sumber Biografi Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. *Prosiding Seminar Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV*, hlm. 173-184.
- Fairuzah Basri, Salmah Ahmad & Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2011b. Pernaskhahan Manuskrip 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin. *Prosiding Kolokium Siswazah Institut Alam dan Tamadun Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia: Hlm. 177-183.
- Fairuzah Basri, Salmah Ahmad & Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2012. Penerapan budaya beragama di kalangan masyarakat Melayu Abad ke 17 M: Kajian berasas manuskrip 'Umdat al-Muhtajin. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*, hlm. 638-646.
- Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isnin & Sahlan Mohd Saman. 1985. *Mendekati Kesusteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hamka. 1961. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1974. *Antara Fakta dan Khayal "Tuanku Rao"*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hurgronje, C. S. 1906. *The Achehnese*. Translated by A.W.S. O'Sullivan. Vol. 2. Leyden: E. J. Brill.
- Ibn Batutah. 2004. *Pengembaraan Ibn Batutah*. Terj. Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Adi Setia Mohd Dom. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam.
- I Nyoman Weda Kusuma. 2007. Geguritan Nabi Muhammad: Cermin akulturasi budaya Hindu-Islam di Bali. *SARI* 25: 119-127.
- Ishak Saat. 2007. *Ilmu Sejarah dan Persejarahan*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Kamus Dewan*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- al-Marbawi, Idris Abdul Rauf. 1930M/1350H. *Kamus Idris al-Marbawi*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.
- Mohammad Said. 1981. *Aceh Sepanjang Abad*. Medan. Tanpa Penerbit.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2009. Zawayah Shaykhkuala: Pusat Penyebaran Islam di Alam Melayu abad ke 17 Masihi. *SARI* 27 (2): 87-118.
- Mohd Taufik ArRidzo. 2007. Kaedah Ruwah: Memperkasa Disiplin Filologi Melayu. *Jurnal Filologi Melayu* 15: 45-68.
- Muammar Ghadafi Hanafiah. 2009. Kitab 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin: Satu pengenalan intisari. Dlm. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Salmah Ahmad & Mohammad Fadzeli Jaafar (pnyt.). *Panduan Individu Menuju Allah: Mesej 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin*: 101-135. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abduh. 1972. *Risalah Tauhid*. Terj. H. Firdaus A.N. Cet. 4. Jakarta: Bulan Bintang.
- Najat al-Marini 2006. *Tahqiq al-Nusus al-Thurath: al-Tasawwur wa al-Waqi'*. Ribat, Maghribi: Universiti Muhammad Agamis.
- Oxford Fajar*. 2000. Terj. Asmah Hj. Omar. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Panuti Sudjiman. 1995. *Filologi Melayu*. Jakarta: PT Dunia Pustaka Jaya.
- Salmah Hj. Ahmad. 2009. Ciri-ciri linguistik dalam manuskrip 'Umdat al-Muhtajin. Dlm. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Salmah Ahmad & Mohammad Fadzeli Jaafar (pnyt.). *Panduan Individu Menuju Allah: Mesej 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin*. Hlm. 157-182. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Mohd Salleh. 1997. Ilmu filologi Melayu dan cabaran-cabarannya pada Abad ke Dua Puluh. Dlm. Mana Sikana (Pngr.). *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemanusiaan & Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Mohd Salleh. 2001. Kesusteraan Melayu tradisional dalam persada pendekatan/teori sastera moden. *Kertaskerja Persidangan Serantau Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*.
- Siti Hawa Mohd Salleh. 2009a. Pujangga istana: Karyawan tidak bernama tradisi penulisan kesusteraan Melayu tradisional. Dlm. *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*, hlm. 129-145. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Mohd Salleh. 2009b. Wacana filologi: Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan. Dlm. *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*, hlm. 217-253. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Mohd Salleh. 2009c. Alat tulis-menulis tradisi penulisan Melayu tradisional. Dlm. *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*, hlm. 210-216. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Mariani S.M. Omar. 2002. Manuskrip Melayu: Satu pengenalan. Dlm. *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Syamsul Bahri Andi Galigo. 2009. Membina jati diri pendakwah dari perspektif 'Umdat al-Muhtajin. Dlm. Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Salmah Ahmad & Mohammad Fadzeli Jaafar (pnyt.). *Panduan Individu Menuju Allah: Mesej 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin*, hlm. 183-202. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Qushayri, Abu al-Qasim al-Qushayri al-Naisaburi. 2003/1423H. *al-Risalah al-Qushayriyah fi 'Ilm al-Tasawwuf*. Tahkik Dr. Abdul Halim. Beirut, Damsyiq: Dar al-Khayr.
- Voorheve, P. 1981. *Bayan Tajalli*. (terj). Banda Aceh: Pusat Dokumentasi & Penyelidikan.
- William & Rhoda Cahn. 1973. *The Story of Writing*. Folkestone: Bailey Brothers & Swinfen Ltd.
- www.pnm.gov.my/manuskripmelayu

*Fairuzah bt. Basri*  
*Pensyarah*  
*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)*  
*Universiti Teknologi MARA (UiTM)*  
*Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.*  
E-mail: fairuzah63@yahoo.com

*Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Ph.D.*  
*Felo Penyelidik Kanan*  
*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*  
E-mail: syukri@ukm.edu.my

*Salmah Hj. Ahmad, Ph.D.*  
*Pensyarah Kanan*  
*Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam (JPIT)*  
*Fakulti Pengajian Islam*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*  
E-mail: salni@ukm.edu.my

